

SOALAN LAZIM

**PERLUASAN KEMUDAHAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI UNTUK
MELIPUTI PAKAIAN BATIK MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN SR.1.2.2
BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE* DAN
BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pegawai yang memakai Pakaian Batik Malaysia untuk bertugas harian di Parlimen atau DUN layak menuntut kemudahan BPMUR?	Pegawai adalah layak menuntut BPMUR sekiranya memakai Pakaian Batik Malaysia ketika bertugas harian pada hari Khamis. Ini adalah selari dengan surat edaran JPA rujukan JPA. 100.1/4/1(13) bertarikh 21 Ogos 2023 yang mewajibkan pemakaian Pakaian Batik Malaysia pada setiap hari Khamis.
2.	Apakah definisi Batik Malaysia?	Definisi Batik Malaysia adalah seperti yang dinyatakan dalam surat edaran JPA rujukan JPA. 100.1/4/1(13) bertarikh 21 Ogos 2023.